

FPP BizNewz

eISSN 2600-9811

June - November 2021

INVESTMENT MANAGEMENT ECONOMICS MARKETING TECHNOLOGY

MERDEKA

EKONOMI 2021

ANXIETY DISORDER

Jangan Ambil Mudah

Do We Look Older Or Younger Than We Really Are?

SOLAH

A Testimony of Success

MUSLIM FRIENDLY TOURISM

The Promising Tourism Segments For Malaysia

To Online Or Not?

JEBAT Si Maine Coon

Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash



YOUTUBE PRENEUR

VIRTUAL PROGRAM

JANA DUIT DENGAN YOUTUBE

(BAHAGIAN 1)

¹Nik Fazlin Hiriyati Nik Jaafar, ¹Hani Sakina Mohamad Yusof, ¹Sholehah Abdullah
& ²Ahmad Sujairi Johari

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

²Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu




Photo by Mostafa KordZan-
gench on Unsplash

eISSN 2600-9811

BizNewz 2021 | 77

PENGENALAN

MASMED Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu telah diberikan peluang dan tanggungjawab oleh pihak MASMED Shah Alam untuk melaksanakan satu program latihan kepada para pelajar. Memberikan latihan keusahawanan kepada pelajar sememangnya salah satu daripada fungsi utama MASMED dalam memastikan pelajar dilengkapi dengan ilmu dan kemahiran yang mantap sebelum mereka melangkah keluar dari kampus.

MASMED sentiasa prihatin dalam memastikan pelajar mendapat input terkini dan yang bersesuaian dengan perkembangan semasa. Oleh itu, fokus latihan yang dirangka ini menumpukan kepada penggunaan platform digital bersesuaian dengan tren terkini. Platform yang dimaksudkan ialah YouTube. Ia amat baik untuk dijadikan sumber penjana pendapatan dalam kalangan usahawan pelajar sebagai content creator. Selain itu, aktiviti promosi atau demonstrasi produk melalui video juga sesuai untuk dilakukan menerusi platform ini.

Objektif utama program adalah:

1. Mendedahkan usahawan pelajar dengan medium atau platform digital YouTube yang kini menjadi satu keperluan penting dalam keusahawanan.
2. Menyampaikan ilmu dan pengalaman berkaitan platform digital YouTube dalam usaha untuk memantapkan kemahiran keusahawanan usahawan

pelajar.

3. Menyahut seruan kerajaan dan UiTM dalam memberikan alternatif kepada pencapaian employability atau penjana pendapatan secara inovatif dan kreatif dalam kalangan pelajar.
4. Melahirkan usahawan pelajar yang menjadikan YouTube sebagai medium atau platform inovatif perniagaan mereka di samping menggalakkan mereka menggunakan YouTube secara sihat dan bermanfaat.

Alhamdulillah, pada pertengahan Ogos yang lalu, pelaksanaan program ini telah pun berjaya direalisasikan. Terdapat tiga jawatankuasa yang dilantik selaku pelaksana program dan semestinya dibantu dan dipantau oleh Koordinator MASMED sendiri.

Menariknya, program ini bukan hanya berbentuk latihan tetapi ia juga berbentuk pertandingan. Tujuan diadakan format seperti ini adalah untuk memastikan peserta mempraktikkan ilmu yang dipelajari dan memberikan sedikit penghargaan kepada mereka.

Bagi menambah minat pelajar untuk menyertai program ini, MASMED menyediakan RM30.00 elaun data internet agar pelajar tidak merasa terbeban dengan keperluan tersebut. Peruntukan ini juga sebagai satu tanda komitmen MASMED yang tinggi terhadap pembangunan keusahawanan pelajar.

Dikongsikan di bawah ringkasan program ini:

PERKARA	TARIKH	MEDIUM
Promosi pencarian peserta	23 Julai - 10 Ogos	Whatsapp, Telegram
Kelas intensif secara virtual	15 - 16 Ogos	Aplikasi Zoom
Personal coaching	17 - 20 Ogos	Aplikasi Whatsapp
Penjurian	20 - 21 Ogos	Penjurian Pertandingan
Pengumuman Pemenang	23 Ogos	Aplikasi Zoom

PROMOSI, PENCARIAN PESERTA DAN TAKLIMAT

Rangka promosi bagi pencarian peserta dimulakan pada Jun 2021. Memandangkan sebahagian besar pelajar berada di rumah, promosi secara atas talian menjadi langkah dan strategi terbaik. Poster dan mesej iringan digunakan sebagai bahan promosi. Pemakluman menerusi aplikasi Whatsapp dan Telegram juga dibuat oleh pihak jawatankuasa. Bantuan daripada rakan-rakan pensyarah turut membantu informasi berkaitan program sampai kepada sasaran.

Namun, sejujurnya, sambutan yang diterima amat mendukacitakan kerana setelah lebih seminggu promosi dijalankan, tidak sampai 10 pelajar yang berminat untuk menyertainya. Soal masa antara faktor utama yang memungkinkan situasi ini terjadi. Ketika promosi dibuat, para pelajar dalam fasa menyempurnakan tugas hakiki pembelajaran mereka seperti menyiapkan tugas termasuklah menduduki ujian-ujian tertentu.

Setelah perbincangan dibuat, jawatankuasa telah mengambil keputusan untuk menunda tarikh program ke minggu selepas penilaian akhir setelah mendapat kebenaran penangguhan daripada pihak MASMED Shah Alam. Ini kerana, jawatankuasa bersetuju memberi laluan kepada para pelajar untuk menyempurnakan penilaian pembelajaran mereka terlebih dahulu.

Pada mulanya, program ini hanya dibuka kepada pelajar UiTM Cawangan Terengganu, kemudiannya peluang turut dibuka kepada pelajar dari kampus yang lain. Pihak MASMED Shah Alam dan juga beberapa Koordinator

MASMED fakulti turut membantu mempromosikan program agar mendapat lebih ramai penyertaan.

Selain dari menunda tarikh program, jawatankuasa juga mengambil inisiatif mengubahsuai poster program agar nampak lebih menarik dengan menonjolkan jumlah wang tunai yang ditawarkan sebagai hadiah. Tempoh latihan juga dikurangkan kepada 2 hari sahaja dan tawaran untuk personal coaching turut disediakan kepada para peserta. Bagi memastikan manfaat program dapat disebar luas, jawatankuasa juga bersetuju untuk membuka penyertaan kepada kakitangan UiTM Cawangan Terengganu. Seramai 31 kakitangan telah menyertainya dan diberi jam latihan.

Setelah penambahbaikan dibuat maka promosi fasa kedua pun dimulakan. Alhamdulillah penyertaan usahawan pelajar menampakkan peningkatan dan berjaya mengumpul seramai 31 peserta. Kebanyakan mereka adalah usahawan pelajar dan semuanya dikumpulkan di dalam satu kumpulan Whatsapp program bersama pakar runding yang dilantik. Ini bagi memudahkan urusan pentadbiran, soal jawab dan sesi konsultasi peserta dilaksanakan.

ONLINE VIRTUAL PROGRAM: YOUTUBEPRENEUR

Maklumat lanjut pada poster. Ayuh para usahawan pelajar:

- Tambah II MU.
- Tambah PENDAPATAN.

Program akan berlangsung ketika CUTI SEMESTER nanti

TERIMA KASIH.



KELAS INTENSIF DAN KONSULTASI SECARA VIRTUAL

Kelas pada hari pertama bermula seawal jam 8.45 pagi. Kehadiran peserta direkodkan secara konsisten oleh jawatankuasa untuk memastikan mereka mengikuti kelas tersebut. Apabila kelas dibuat secara virtual, agak sukar untuk kita memastikan kehadiran dan fokus peserta. Namun jawatankuasa sentiasa memantau keberadaan peserta dan mereka perlu memberikan justifikasi jika tidak hadir kerana MASMED sangat menitikberatkan soal komitmen peserta memandangkan bukan hanya kita inginkan mereka belajar dan menyertai program secara aktif, tetapi juga kerana kos yang diperuntukan untuk program ini agak tinggi. MASMED juga ingin meraikan kesungguhan kedua-dua coach yang begitu bersemangat dalam menyampaikan maklumat, berkongsi ilmu dan sentiasa mengalu-alukan pertanyaan daripada para peserta.

Peserta juga dijemput untuk menyertai platform eCommerce yang dikelolakan sendiri oleh Coach Wan iaitu Azadel. Pautan pendaftaran dan cara mendaftar disediakan bagi memudahkan peserta. Platform ini didaftarkan secara percuma dan peserta boleh mempromosikan produk atau perkhidmatan mereka di sini. Coach Wan juga berkongsi tentang produk yang laris di platform tersebut selain daripada cerita tentang kisah kejayaan beberapa usahawan kecil yang menggunakan platform tersebut.

Pihak MASMED berterima kasih kepada pihak perunding kerana mengatur pengisian dengan begitu baik. Di awal slot, pihak perunding bermula dengan saranan untuk kita membetulkan niat dan memberikan kata-kata motivasi

PERUNDING PROFESIONAL

Program ini disampaikan oleh perunding atau lebih sinonim dengan gelaran professional consultant yang dilantik oleh UiTM iaitu Al Fateh Training and Consultant yang menampilkan dua penceramah berpengalaman iaitu Coach Najib dan Coach Wan. Kedua-dua penceramah ini mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang keusahawanan dan pemasaran digital. Coach Najib adalah seorang Certified Master Trainer eUsahawan, dan diiktiraf oleh Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC). Manakala, Coach Wan pula merupakan seorang Business Builder dan YouTuber bagi channel Wan Muhd Ali. Perbincangan dibuat bagi memastikan pengisian yang disampaikan bersesuaian dengan keperluan peserta. Ini adalah penting agar impak program dapat dimaksimumkan dan peserta dapat mengaplikasikan ilmu yang pelajari. Di antara input yang dikongsikan oleh penceramah adalah seperti berikut:

1. Niche dalam YouTube, Checklist Channel Launch, 7 Elemen Video
2. Cara untuk monetise akaun di YouTube, Sistem Affiliate
3. Cara menggunakan YouTube studio, memahami dan cara membaca analytics di YouTube, senarai extension yang perlu ada di saluran YouTube.

serta semangat agar sentiasa berusaha dan menjadikan hidup ke arah yang lebih berkualiti dan penuh kebaikan. Malahan mereka juga mengajar para peserta dengan begitu terperinci terutamanya mengenai teknikal penghasilan video dan juga cara-cara untuk mengoptimumkan penggunaan platform YouTube. Banyak informasi menarik mengenai kejayaan sebenar YouTube dikongsi oleh coach dan ia telah banyak memberikan inspirasi kepada para peserta. Pengisian yang dibawa juga telah mengubah persepsi para peserta mengenai YouTube termasuklah potensi dan kapasiti sebenar platform ini yang begitu besar dan pelbagai.

Menariknya, para peserta telah diminta oleh coach untuk terus mengaplikasikan ilmu dan teknik yang dikongsikan dengan memperuntukan masa untuk para peserta melaksanakan tugas tersebut. Ini sangat penting bagi memastikan pemahaman mereka lebih jelas dan jika terdapat sebarang persoalan, ia boleh diselesaikan dengan kadar segera. Rata-rata peserta menunjukkan respons yang positif dengan pendekatan sebegini

dan mereka berjaya menghasilkan video pendek ketika program berlangsung meskipun tidak sempurna. Penghasilan video ini adalah berdasarkan kriteria penting untuk sesebuah video YouTube yang menarik. Tugas video ketika sesi kelas juga diambil kira sebagai markah bonus bagi pertandingan video terbaik program ini.

Setelah selesai 2 hari kelas secara intensif, peserta diberikan ruang untuk sesi konsultasi secara maya iaitu melalui aplikasi Whatsapp yang disediakan. Kedua-dua coach masih membuka peluang untuk para peserta bertanyakan soalan dalam apa jua topik yang berkaitan. Peserta juga dalam proses menyediakan video untuk dipertandingkan dan diminta untuk memuat naik video tersebut melalui channel masing-masing. Kebebasan turut diberikan untuk memilih tema dan content mereka sendiri asalkan video yang dihasilkan itu mengikut kriteria dan teknik yang diajar ketika di dalam kelas.

Bersambung...



